

# SMK Labuan Laksana Mesyuarat Agung PIBG Kali ke-24



**Labuan, 27 Jun** – SMK Labuan telah berjaya melaksanakan Mesyuarat Agung Tahunan PIBG kali ke-24 dalam suasana harmoni dan sepakat pada Sabtu lalu.

Mesyuarat agung yang dihadiri oleh seramai lebih 300 ibubapa dan guru telah diadakan di Dewan Mutiara sekolah berkenaan.

Menurut Yang DiPertua (YDP) PIBG, Tuan Haji Yusof bin Haji Chu Chu, mesyuarat kali ini melibatkan pemilihan ahli jawatankuasa baharu bagi mewakili ibubapa dalam persatuan berkenaan.

*“Selain itu, mesyuarat ini juga akan menetapkan kadar sumbangan keluarga bagi murid-murid yang bersekolah di sini bagi membolehkan PIBG membantu pihak sekolah dalam apa jua aktiviti” ujar beliau lagi.*

Pengetua sekolah, Encik Mohd Nizam bin Yasim telah hadir dan merasmikan mesyuarat agung PIBG kali ini.

Dalam ucapannya, beliau menyeru agar ibubapa terus memberi sokongan dan kerjasama padu dalam menjayakan agenda pendidikan negara.

*“Disiplin tinggi seperti menepati masa dan akur peraturan sekolah perlu diterapkan ke dalam diri anak-anak kita supaya mereka membesar menjadi insan yang baik dan berguna”.*

Selain itu beliau turut menyeru kepada ibubapa agar menaruh kepercayaan kepada sistem pendidikan negara sepenuhnya dalam memberi pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa kepada anak-anak.



Sesi dialog bersama ibu bapa, PIBG dan pihak sekolah  
Dalam sesi pemilihan, Tuan Haji Yusup bin Haji Chu Chu telah terpilih sekali lagi menerajui kepimpinan PIBG bagi sesi 2022/2024.

Naib YDP pula disandang oleh Puan Susanna Koh yang berjaya menewaskan 3 calon lain.

Sementara itu, empat AJK dalam kalangan ibubapa turut terpilih menganggotai PIBG melalui undi majoriti.

Mereka ialah Dr. Emily Yapp Hon Thsin, Encik Junaidi Omar, Puan Rohayati binti Othman dan Encik Nordin Ahmad. Manakala semua AJK dalam kalangan guru dikekalkan untuk

tempoh sepenggal lagi.



Pengetua bersama kepimpinan PIBG bagi sesi 2022/2024 Mesyuarat kali ini turut menyelit perkongsian ilmu tentang bahaya Scam yang telah disampaikan oleh Penolong Pengurus Bank Rakyat, Cawangan Labuan, Encik Jasmin Amsyir.

Selain itu, pihak penganjur turut menyediakan hadiah cabutan bertuah kepada ibubapa dan guru yang hadir. Hadiah utama berupa sebuah televisyen LED yang disumbangkan oleh Asian Supply Base (ASB).

**Berita Oleh : SMK Labuan**



Encik Mohd Nizam Yasim, Pengetua SMK Labuan



Sesi pemilihan berlangsung dengan suasana harmoni

